

Kolej Risda lahir graduan sulung

Bidang pengajian diploma pertanian dengan kerjasama UPM dapat sambutan menggalakkan

Oleh Habsah Dinin

SEKTOR pertanian adalah sektor yang mendapat peruntukan besar dalam Rancangan Malaysia kesembilan (RMK-9). Kerajaan memperuntukkan RM6.9 bilion untuk memajukan sektor pertanian bagi membantu melonjakkan sosioekonomi masyarakat luar bandar.

Selaras dasar kerajaan yang memberi penekanan semula terhadap bidang pertanian, Kolej Risda melaksanakan program diploma pertanian bermula 2004 dan berjaya melahirkan graduan sulung dalam bidang pertanian pada 2007.

Ternyata program dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapat sambutan menggalakkan.

Selain itu, Kolej Risda menawarkan program diploma sains komputer, diploma pengurusan perniagaan, diploma perakaunan, diploma keusahawanan, pradiploma sains komputer dan pradiploma pengurusan perniagaan.

Kolej Risda juga menawarkan program kemahiran di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran iaitu sijil kemahiran Malaysia dalam bidang kejuruteraan sistem komputer tahap 2 dan 3 dan pembuat pakaian wanita tahap 1 dan 2.

Pengambilan dijalankan dua kali setahun iaitu Julai dan Januari.

Program diploma pertanian ditawarkan di kampus Kolej Risda di Alor Gajah Melaka. Bagi pelajar yang tamat pengajian di peringkat diploma, mereka boleh memilih untuk memasuki alam pekerjaan atau melanjutkan pelajaran.

Dengan pengiktirafan UPM dan LAN, lepasan diploma pertanian boleh melanjutkan pengajian di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang menawarkan kursus lanjutan di bidang pertanian dengan kualiti pembelajaran dipantau dan dikawal selia pihak UPM.

Sektor pertanian diberi pendekatan baru melalui pertanian komersial berskala besar; penggunaan teknologi terkini secara lebih meluas,

pengeluaran komoditi yang berkualiti dan mempunyai nilai tambah yang tinggi.

Bagi merealisasikan objektif kerajaan, Kolej Risda membuka peluang kepada lepasan SPM dan STPM melanjutkan pengajian dalam bidang pertanian dengan penggunaan teknologi terkini.

Pada 2008, Kolej Risda juga merancang untuk menambah lagi cabang dalam bidang pertanian. Program pertanian yang dirancang adalah lebih fokus seperti diploma pengurusan ladang dan diploma pengurusan landskap dan hortikultur selain daripada pradiploma sains yang akan dijadikan feeder kepada kursus pertanian berkenaan.

Kolej Risda menyediakan kawasan ladang dan infrastruktur yang bersesuaian bagi mempraktikkan pengetahuan yang diperoleh di samping pembelajaran di bilik kuliah dan makmal sains.

Dari segi kemudahan, Kolej Risda menyediakan bilik kuliah berhawa dingin, perpustakaan, kafe siber, makmal komputer, makmal sains, kafeteria dan kemudahan Wifi dan Hotspot.

Untuk maklumat sila hubungi talian 03-42571677/03-42572677 atau tulis kepada Kolej Risda, Suite 12b, Tingkat 12, Plaza Ampang City, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur atau layari laman web www.krismelaka.edu.my.

FAKTA NOMBOR


Kolej Risda

2004

Ditubuhkan

2007

Konvokesyen pertama



KEMUDAHAN PENDIDIKAN: Kolej Risda di Alor Gajah, Melaka.